



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**GARIS PANDUAN
PENCEGAHAN DAN KAWALAN
JANGKITAN COVID-19
PERKHIDMATAN SOSIAL:
PENGURUSAN KES
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

ISI KANDUNGAN

	PERKARA	MUKASURAT
1.	Pengenalan	1
2.	Tujuan	1
3.	Kumpulan Sasar	1
4.	Prinsip Asas Pencegahan Dan Kawalan Jangkitan COVID-19 (Amalkan 3W Dan 3C)	2
5.	Peranan Dan Tanggungjawab	3
6.	Penutup	4
7.	Lampiran	5
8.	Rujukan	13

**GARIS PANDUAN
PENCEGAHAN DAN KAWALAN JANGKITAN COVID-19
PERKHIDMATAN SOSIAL: PENGURUSAN KES**

1. PENGENALAN

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merupakan agensi utama yang memberikan perkhidmatan sosial kepada masyarakat Malaysia, semenjak dari lahir sehinggalah sebelum meninggal dunia. Perkhidmatan JKMM meliputi pengurusan kes melibatkan warga emas (WE), Orang Kurang Upaya (OKU), kanak-kanak, mangsa bencana, keluarga, orang papa, mangsa keganasan rumah tangga, pesalah muda, komuniti rentan dan mangsa pemerdagangan orang. Klien-klien jabatan akan berurusan samada di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)/ Pejabat Kebajikan Masyarakat Negeri (PKMN)/ Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) ataupun institusi melibatkan khidmat nasihat, permohonan bantuan, perkhidmatan kaunseling, khidmat bantu di rumah dan juga pengurusan kes. Justeru, selaras dengan saranan daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), langkah-langkah pencegahan dan kawalan penyakit perlu dilaksanakan oleh semua pihak bertanggungjawab bagi melindungi kita semua daripada jangkitan COVID-19.

2. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada pengurusan kesihatan jangkitan COVID-19 bagi kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM), Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri (JKMN), Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) dan institusi apabila berurusan dengan klien jabatan.

Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan akta-akta, surat pekeliling ikhtisas, surat siaran dan arahan terkini serta peraturan berkaitan yang sedang berkuat kuasa.

3. KUMPULAN SASAR

Garis Panduan ini boleh diguna pakai dan rujukan oleh:

- 3.1 Kakitangan yang bertugas di JKMM/PKMN/PKMD dan juga institusi di bawah seliaan JKMM; dan
- 3.2 Klien yang mendapatkan perkhidmatan JKMM.

4. PRINSIP ASAS PENCEGAHAN DAN KAWALAN JANGKITAN COVID-19 (AMALKAN 3W DAN ELAKKAN 3C)

Penyediaan garis panduan ini berdasarkan kepada prinsip-prinsip asas pencegahan dan kawalan jangkitan COVID-19 yang perlu diamalkan oleh semua individu yang berurusan di JKM. Prinsip tersebut adalah seperti berikut:

4.1. Amalkan mencuci tangan dengan air dan sabun (wash)

Amalan cuci tangan yang kerap menggunakan air dan sabun atau cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*) (Lampiran 1);

4.2. Amalkan pemakaian alat perlindungan diri (wear)

Kakitangan, petugas, penghuni, peserta dan pelawat digalakkan menggunakan alat perlindungan diri pada setiap masa seperti memakai pelitup muka.

Sekiranya tidak memakai pelitup muka, sentiasa amalkan etika batuk dan bersin (Lampiran 2) bagi mencegah transmisi penyakit.

4.3. Amalkan memberi peringatan (warn) bagi penjarakan fizikal

Memberi amaran berkonsepkan peringatan untuk berada pada jarak yang selamat, sekurang-kurangnya 1 meter daripada individu lain dan mengamalkan polisi tidak bersalaman (letak tangan di dada dan tunduk sedikit sebagai tanda hormat).

4.4 Elakkan Tempat Sesak (*Crowded Places*)

Mengelakkan/mengurangkan aktiviti di tempat sesak pada setiap masa. Elakkan aktiviti di tempat yang sesak dan perkumpulan yang ramai. Contohnya mengadakan roll call di ruang perhimpunan atau makan di kantin.

4.5 Elakkan Tempat Tertutup (*Confined Spaces*)

Elakkan berada di ruang/tempat tertutup pada setiap masa seperti di *pantry*, *surau* dan ruang rehat. Pastikan ruangan tertutup mempunyai pengudaraan yang baik.

4.6 Elakkan Bercakap Jarak Dekat (*Close Conversation*)

Elakkan bercakap secara dekat semasa mengadakan sebarang aktiviti seperti bermesyuarat, bercakap di kaunter, semasa di ruang kerja, ruang rehat dan dalam asrama.

5. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

- 5.1 Memastikan setiap individu yang berurusan di pejabat/institusi/pusat mengamalkan prinsip-prinsip asas pencegahan dan kawalan jangkitan COVID-19 (AMALKAN 3W DAN ELAKKAN 3C) seperti yang disarankan oleh KKM, pada setiap masa.
- 5.2 Memastikan semua kakitangan dan klien berada pada tahap kesihatan yang optimum dengan:
 - i. Mengambil suhu badan bagi saringan gejala seperti demam (suhu badan melebihi 37.5°C), selesema, batuk, sakit tekak dan sesak nafas sebelum memulakan sesi perjumpaan;
 - ii. Membatalkan sesi perjumpaan sekiranya mempunyai gejala;
 - iii. Merujuk ke klinik kesihatan terdekat dengan kadar segera.
- 5.3 Memastikan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter semasa melakukan sesi dengan klien jabatan.
- 5.4 Kakitangan dan klien memakai pelitup muka semasa berurusan.
- 5.5 Mengamalkan kebersihan diri yang optimum kepada kakitangan dan klien seperti amalan cuci tangan dengan air dan sabun atau hand sanitizer yang betul sebelum dan selepas perjumpaan.
- 5.6 Kakitangan hendaklah menjalankan aktiviti pembersihan dan disinfeksi setiap hari termasuk mencuci, mengelap atau menyembur permukaan peralatan yang kerap disentuh seperti pemegang pintu, suis lampu, rail tangga, mesin fotostat, telefon, sinki, kepala paip, pemegang flush tandas dan peralatan lain seperti meja dan kerusi sekurang-kurangnya dua kali sehari. Disinfeksi perlu dilakukan menggunakan cecair disinfektan / detergen yang disyorkan (Lampiran 3).
- 5.7 Premis pejabat dan Institusi perlu untuk mendaftar aplikasi MySejahtera (<http://mysejahtera.malaysia.gov.my/checkin>) bagi mendapatkan kod QR MySejahtera Check-In dan mempamerkan kod QR tersebut di pintu masuk premis.
 - i. Penggunaan aplikasi MySejahtera digalakkan bagi tujuan merekod kehadiran setiap hari, selain daripada pendaftaran secara manual bagi tujuan rekod. Individu perlu memuat turun aplikasi MySejahtera, mengimbas kod QR MySejahtera Check-In yang dipamerkan di pintu masuk, sebelum masuk ke premis;
 - ii. Aplikasi MySejahtera juga amat bermanfaat bagi mengetahui informasi terkini berkenaan COVID-19.

6. PENUTUP

Garis panduan ini dapat dijadikan rujukan kepada semua kakitangan JKM dan klien dalam pencegahan dan pengawalan jangkitan COVID-19.

Disediakan oleh:

BAHAGIAN DASAR DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA

Ogos 2020

PANDUAN MENCUCI TANGAN

Mencuci tangan dengan teknik yang betul adalah amalan yang paling berkesan dalam mengurangkan penyebaran mikro organisma.

1. Tanggalkan semua barangan perhiasan seperti jam tangan, cincin sebelum prosedur mencuci tangan.
2. Basuh tangan dengan bahan pencuci tangan seperti air dan sabun atau menggunakan *hand sanitizer* berasaskan alcohol >70%.
3. Menggunakan sabun atau cecair antiseptic secukupnya; meliputi semua permukaan tangan dan jari dengan cara menggosok.
4. Pastikan kuku jari pendek dan jangan gunakan kuku palsu.

(Rujuk Garis Panduan Kawalan Infeksi di Fasiliti Kesihatan Primer, KKM edisi 2019).

LANGKAH-LANGKAH YANG BETUL MENCUCI TANGAN DENGAN AIR DAN SABUN

Tujuh (7) Langkah Cucian Tangan dengan air dan sabun:

- Basahkan tangan di bawah air yang mengalir. Kemudian, letakkan cecair sabun di tapak tangan dan diikuti dengan tujuh (7) langkah berikut:
 - i. Lekapkan kedua tapak tangan dan gosok
 - ii. Lekapkan tapak tangan kanan diatas dorsum tangan kiri dengan jari bersilang dan gosok. Ulangi langkah ini di tangan kiri.
 - iii. Lekapkan kedua tapak tangan dengan jari bersilang dan gosok.
 - iv. Genggam tangan kiri manakala tangan kanan menggosok di atas bahagian tangan kiri secara menurun. Ulangi langkah ini di tangan kanan.
 - v. Gosok sekeliling ibu jari kiri dalam genggaman tapak tangan dan ulangi langkah ini di tangan sebelah.

- vi. Kuncupkan jari tangan kanan di atas tapak tangan kiri dan gosok secara bertukar ke hadapan dan ke belakang. Ulangi langkah ini di tangan kanan.
- vii. Gosokkan pergelangan tangan kiri secara putaran. Ulangi langkah ini di tangan kanan. Bilas dengan air dan keringkan dengan tisu/tuala yang bersih.

LANGKAH-LANGKAH YANG BETUL MENCUCI TANGAN DENGAN HAND SANITIZER

- Penggunaan cecair antiseptic atau hand sanitizer adalah apabila tiada sumber air dan sabun. hand sanitizer yang digunakan mestilah berasaskan kandungan alkohol >70%.
- Tempoh masa mencuci tangan menggunakan hand sanitizer adalah 20 -30 saat
- Langkah-langkah adalah seperti berikut:
 - i. Tuang hand sanitizer ke tapak tangan kiri, ratakan dengan jari tangan kanan, kemudian lakukan sebaliknya.
 - ii. Gosok kedua-dua tapak tangan.
 - iii. Gosok belakang tangan dan celah jari.
 - iv. Gosok setiap jari dan celah jari.
 - v. Gosok belakang jari kanan ke tapak tangan kiri. Ulang untuk kedua-dua tangan.
 - vi. Gosok ibu jari tangan kiri dalam gengaman tangan kanan dengan gerakan memutar, dan lakukan untuk ibu jari

AMALAN ETIKA BATUK DAN BERSIN

Batuk/bersin boleh menjadi penyumbang kepada penyebaran organisma. Etika batuk/bersin perlu diamalkan bagi mencegah penyebaran organisma yang boleh menyebabkan transmisi penyakit.

1. Etika Batuk

- a. Pakai pelitup separuh muka jika anda bergejala.
- b. Sekiranya tidak memakai pelitup separuh muka, tutup mulut dan hidung dengan siku atau tisu semasa batuk atau bersin.
- c. Buang tisu yang telah digunakan ke dalam tong sampah bertutup.
- d. Cuci tangan dengan air dan sabun atau hand sanitizer selepas batuk atau bersin.

PANDUAN PEMAKAIAN PELITUP MUKA

Pemakaian pelitup muka adalah untuk melindungi mulut dan hidung dari jangkitan mikro organisma bawaan udara.

- Perlu dipakai oleh kakitangan yang berisiko (merawat penghuni yang sakit) dan bergejala
- Perlu dipakai oleh penghuni yang bergejala.
- Jika perlu keluar, pastikan memakai pelitup muka setiap masa.
- Pakai pelitup muka jika tidak dapat mengelak dari berada di tempat sesak.
- Panduan pemakaian pelitup muka dan perkara berikut harus diperhatikan:
 - i. Pelitup muka perlu menutup hidung, mulut dan dagu sepenuhnya. Elakkan memakai di bawah hidung, bawah leher, atas kepala dan sebagainya.
 - ii. Bagi surgical mask 3-ply, bahagian yang berwarna mesti menghadap luar dan bahagian strip metalik mesti berada di bahagian atas hidung untuk tujuan memberi kekemasan.

- iii. Pastikan strip di bahagian paling atas menutup bahagian hidung dan menarik bahagian bawah sehingga menutup dagu. Ini juga bagi mengelakkan pelitup muka terbuka ketika sedang menggunakannya.
- iv. Ikat tali atas mengelilingi kepala di atas paras telinga, kemudian ikat tali kedua di bawah paras telinga.
- v. Pastikan pelitup muka dipakai dengan kemas.
- vi. Untuk menanggalkan pelitup muka, pastikan bahagian dalam dilipat keluar.
- vii. *Surgical mask* yang telah dipakai perlu dibalut dalam plastik yang diikat ketat, sebelum dibuang ke dalam tong sampah yang bertutup.
- viii. Pastikan cuci tangan sebelum dan selepas memakai pelitup muka.
- ix. *Surgical mask* hanya boleh digunakan sekali sahaja, tidak boleh diguna semula.
- x. Pelitup muka *fabric* / bukan perubatan (non-medical) boleh diguna berulang kali. Walau bagaimanapun, ianya perlu dicuci dengan air dan sabun serta dikeringkan di bawah matahari, pada setiap kali penggunaannya.
- xi. Tidak berkongsi pelitup muka dengan orang lain.
- xii. Jangan meletakkan pelitup muka yang telah digunakan di merata tempat
- xiii. Tukar pelitup muka sebaik sahaja ia basah / kotor / rosak/ tercemar dengan lelehan atau cecair tubuh,
- xiv. Penggunaan *surgical mask* tidak boleh melebihi dari 8 jam.
- xv. Elakkan menyentuh mata, hidung dan mulut. Cuci tangan sebelum menyentuh mata, hidung dan mulut

DISINFEKSI DAN PEMBERSIHAN PERMUKAAN, PAKAIAN DAN PERALATAN

Bahan	Tujuan	Larutan yang disarankan	Paras klorin dalam larutan
Peluntur	Membersihkan rembesan air liur, nanah dan lain-lain; di lantai dan permukaan	Campurkan satu (1) bahagian chlorox dengan 99 bahagian	0.05% atau 500 ppm
	Campuran kepada pakaian yang tercemar. Merendam mainan atau peralatan lain.	Campurkan satu (1) bahagian chlorox dengan 500 bahagian	0.01% atau 100 ppm

Nota: Larutan peluntur tidak boleh disimpan kerana kekuatan bancuhan akan berkurangan apabila telah bercampur dengan bahan organik atau setelah digunakan. Pastikan tiada bahan lain ditambah kepada bancuhan peluntur kerana ia mungkin menyebabkan tindakbalas yang tidak diingini.

Lantai:

Pastikan lantai dibersihkan setiap habis sesi. Jika pembersihan dilakukan semasa ada kanak-kanak, pastikan permukaan lantai dikeringkan bagi mengelakkan kemalangan.

Permaidani / tikar:

Peralatan ini perlu di bersihkan menggunakan alat pembersih hampagas (vacuum cleaner) secara berkala. Basuh dengan menggunakan syampu permaidani jika perlu.

Alat Permainan:

Permainan hendaklah dibersihkan dan didisinfeksi terutama jika ia digunakan oleh kanak-kanak yang suka menggigit permainan. Ia hendaklah didisinfeksi menggunakan larutan chlorox 0.01%. Pastikan permainan dibilas dan dikeringkan sebelum digunakan semula.

Tandas:

Bersihkan tandas setiap kali digunakan. Gunakan larutan chlorox 0.01%

BORANG AKUAN PENGISYTIHARAN KESIHATAN

Butir-butir peribadi

Tarikh:

1. Nama:
2. Umur:
3. Jantina
4. No kad pengenalan:
5. Alamat :
6. Nombor Telefon (rumah dan telefon bimbit):
7. Risiko Kesihatan:

	RISIKO DALAM MASA 14 HARI (TANDAKAN √)	Ya	Tidak
1	Adakah anda baru balik dari luar negara dalam masa 14 hari Jika ya, nyatakan negara yang dilawati _____		
2	Adakah anda menyertai Ijtimak Tabligh di Sri Petaling atau mana-mana kluster perhimpunan COVID-19		
3	Adakah anda ada kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19?		
	a. Adakah keluarga serumah anda disahkan positif COVID-19 ?		
	b. Berada bersama di dalam bilik tertutup yang menggunakan penghawa dingin lebih dari 2 jam		
	c. Bekerja /bersemuka dalam ruang tertutup yang sama, dalam jarak kurang dari 1 meter melebihi 15 minit		
	d. Menaiki kenderaan yang sama (melebihi 2 jam) dalam jarak 2 kerusi (2 meter) dari individu positif COVID-19		

8. Saringan Gejala Jangkitan Saluran Pernafasan
Adakah anda mempunyai gejala seperti di bawah dalam masa 14 hari

Simptom/gejala	Ya	Tidak
Demam		
Batuk		
Sakit Tekak		
Selsema		
Sesak nafas		
Lain-lain		

9. Pemeriksaan suhu badan: _____

RUJUKAN

- i. Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia No.5/2020, KKM
- ii. Garis Panduan Pencegahan dan Kawalan Penyakit COVID-19 di Pusat Jagaan Warga Emas Kerajaan, Swasta dan Badan Bukan Kerajaan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan
- iii. Infection Prevention and control guidance for Long-term care facilities in the context of COVID-19 by WHO 21 March 2020
- iv. Annex 36 Tatacara Pembersihan Dan Disinfeksi Di Tempat Awam, Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia No.5/2020, Kementerian Kesihatan Malaysia
- v. Laman Web Kementerian Kesihatan Malaysia di apuan <http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2274>
- vi. Laman Web *Centers for Disease Control and Prevention*, Amerika Syarikat <https://www.cdc.gov/>

